

# IQRA'

Bil. 3/2022  
MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30



**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

**PROMOSI@PTAR**

**INTRODUCING THE NEW EQPS**  
ELECTRONIC QUESTION PAPER SYSTEM  
Version 2.0

**Check-Out New Website**

**External Membership UiTM Library**

Payment Method: FPX, VISA, boost, Alipay, kiplePay, WeChat Pay

39 UiTM LIBRARIES

Contact Person: [Details]



**LAWATAN DARIPADA IBU PEJABAT POLIS BANTUAN,  
UiTM SHAH ALAM KE UNIT ARKIB CAWANGAN MELAKA  
23 MAC 2022**

*Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman*



*Pada 23 Mac 2022 (Rabu), Unit Arkib Cawangan Melaka telah menerima kunjungan tujuh (7) orang staf dari Ibu Pejabat Polis Bantuan, UiTM Shah Alam yang diketuai oleh DSP/PB Tuan Sokri bin Sulaiman, Timbalan Pegawai Keselamatan, UiTM Shah Alam.*

*Lawatan ini diadakan adalah untuk mengetahui keseluruhan berkaitan dengan Pengurusan Rekod Universiti di UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, mereka juga berhasrat mendapatkan pendedahan dan amalan terbaik bagi proses pembangunan dan pengurusan rekod dan arkib universiti.*

*Mereka juga telah dibawa untuk meninjau persekitaran Unit Arkib Cawangan Melaka bagi melihat koleksi-koleksi yang dipamerkan. Lawatan ini juga telah memberi input kepada mereka dalam usaha menguruskan koleksi yang ada di Ibu Pejabat Polis Bantuan, UiTM Shah Alam.*

